

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI (LUMUT)

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan pencapaian terkini setiap kapal dalam projek pembinaan kapal LCS untuk TLDM oleh Bousted Naval Shipyard dan bila jangkaan tarikh keseluruhan projek pembinaan 6 kapal LCS ini akan disiapkan serta kos keseluruhan projek.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 15 September 2021, kemajuan kerja bagi Perolehan 6 buah Kapal *Second Generation Patrol Vessel* Berkeupayaan *Littoral Combat Ship* (LCS) adalah sebanyak 57.05% berbanding jadual perancangan kerja asal iaitu sebanyak 96.57%. Secara keseluruhannya, perolehan ini telah mengalami kelewatan sebanyak 39.52% atau bersamaan dengan 43 bulan. Status pembinaan mengikut kapal adalah seperti berikut:

1. LCS 1 - status siap semasa 60.60%;
2. LCS 2 - status siap semasa 48.09%;
3. LCS 3 - status siap semasa 43.75%;
4. LCS 4 - status siap semasa 36.49%;

5. LCS 5 - status siap semasa 22.09%; dan
6. LCS 6 - status siap semasa 0%.

Kementerian Pertahanan mengambil pendekatan inklusif untuk melibatkan semua pihak berkepentingan seperti LTAT dan Boustead Berhad demi memikirkan halatuju penyelesaian isu LCS ini.

Inisiatif penyelesaian ini menggariskan dua komponen utama iaitu *Corporate Restructuring* dan *Fund Raising* . Perbincangan ini turut melibatkan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Kini MINDEF berada di peringkat akhir rundingan bagi menyediakan Pelan Pemulihan, dalam masa yang sama bengkel-bengkel yang melibatkan semua pihak bagi Pemulihan Projek LCS juga telah diadakan bagi memastikan syor pemulihan yang komprehensif dapat dihasilkan sebelum diangkat semula ke Jemaah Menteri untuk kelulusan dan tindakan selanjutnya.

Dalam mempertimbangkan cadangan ini, Kementerian berpegang kepada prinsip keperluan kritikal pertahanan negara, tanggungjawab kontraktual Kerajaan dan tanggungjawab syarikat berdasarkan penemuan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan Kewangan Kerajaan (JSTUPKK). Cadangan Pelan Pemulihan ini turut mengambil kira permasalahan syarikat dan vendor yang terlibat dalam pembinaan LCS.

Sehubungan itu, kita tidak boleh lagi pandang ke belakang. Apa yang telah berlaku menjadi pengajaran dan iktibar yang cukup besar buat Kerajaan. Sebagai jalan ke hadapan, pelan ini akan dibentang kepada kabinet bagi kelulusan. Sekiranya diluluskan, sasarannya ialah TLDM boleh memperolehi kapal LCS pertama mereka pada tahun 2025.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE minta **PERDANA MENTERI** apakah sebab-sebab bagi populasi Sabah yang semakin berkurangan dalam dua tahun kebelakangan ini. Adakah ketepatan banci penduduk mempengaruhi pengiraan kadar vaksinasi COVID-19 di Sabah.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penduduk Sabah pada tahun 2019 hingga 2021 berdasarkan anggaran adalah seperti berikut:

Anggaran Penduduk Sabah, 2019 - 2021

Tahun	2019	2020	2021^e
Penduduk ('000)	3,904.4	3,882.8	3,833.0
Warganegara ('000)	2,777.4	2,808.5	2,837.7
Bukan Warganegara ('000)	1,127.1	1,074.3	995.4
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	0.2	-0.6	-1.3

Nota : ^e Anggaran

Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

2. Pengiraan dan perancangan untuk Pelan Imunisasi COVID Kebangsaan (PICK) menggunakan data anggaran penduduk 2020. Data anggaran penduduk berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang telah mengambil kira tiga komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran, kematian dan migrasi bersih.
3. Pengurangan penduduk di Sabah dipengaruhi oleh anggaran penduduk bukan warganegara susulan pandemik COVID-19 di mana sejumlah warga negara asing telah pulang ke negara masing-masing.
4. Anggaran data penduduk bukan warganegara adalah berdasarkan sumber daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
5. Data anggaran penduduk ini akan disemak semula setelah hasil dapatan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.